



Natasha Griggs

Administrator of Christmas Island
Administrator of the Cocos (Keeling) Islands



Community Bulletin

Musim Seklon – Pulu Cocos (Keeling)

Nomor: A68/2018

Haribulan: 27 November 2018

Di Indian Ocean Territories kita semua sudah biasa dengan musim seklon; iaitu dari November hingga April. Sepertimana kita semua tahu, seklon tidak dapat dijangkakan dan tidak tetap, tetapi masih penting untuk kita bersiap. Ini juga adalah masa yang paling basah dan tersendiriya boleh membawak masalahnya sendiri.

Dimasa kita bergerak kedalam musim ini, saya ingat perkara ini penting sekali untuk saya mengingatkan semua tentang kepentingan untuk bersiap-siap. Komite-komite pengurusan emerjensi telah bincangkan persiapan sebelum musimnya dan pihak-pihak yang berkenaan telah memberikan laporan mengenai apa yang mereka telah buat untuk mempersiapkan musim ini.

Bagi masyarakat, ini penting juga untuk menyiapkan diri dan jiran kamu. Bersihkan kawasan tempat kamu dan kalau ada alert keluar, pastikan semua pembangunan dan simpan semua barang-barang yang diluar.

Kadang-kadang kita juga dapat hujan yang lebat yang boleh menyebabkan cabaran yang berupa kebanjiran dan jalan-jalan yang licin. Ribut yang datang mendadak juga boleh menjadi masaalah untuk pulu. Agensi yang bertindak telah berpengalaman dalam cara Pengurusan Emerjensi untuk memberi bantuan dimasa kejadian ini, jadi tolong perhatikan nasihat-nasihat yang disebarkan dan dengar kepada wakil tempatan yang bertugas dimasa kejadian ini. Mereka berada untuk membantu kita semua dan coba untuk memastikan keselamatan kita. Kami juga mempunyai lampu-lampu warning yang diletak ditempat berikut;

- Shelter Umum di Pulu Panjang
- Shelter Umum di Home Island
- Runway di Airport disebelah Bangunan Bureau of Meteorology

Kalau lampu dimenyalakan, tolong ikut arahan yang akan disebarkan dimasa itu. Kalau kamu sedang bermasaalah dan memerlukan bantuan emerjensi, hubungi pihak yang berkuasa. Police senantiasa on-call 24 jam/7 hari dinomor 000, 91626600 atau VHF Channel 20.

Saya ingin mengakhiri dengan mengatakan semoga tetap selamat di musim ini dan jaga diri kamu, jiran-jiran kamu dan masyarakat kamu.

Natasha Griggs

Administrator - Territories Pulu Christmas dan Pulu Cocos (Keeling)

PO Box 868, Christmas Island INDIAN OCEAN 6798
Telephone: +61 8 9164 7960 • Facsimile: +61 8 9164 7961
www.infrastructure.gov.au